



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Undang-undang Gred L29
- (b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan dan Kehakiman
2. Gaji Yang Ditawarkan : RM 2,533.00 (sebulan)
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - (d) Diploma dalam pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (e) Diploma Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. Taraf Jawatan : *Contract For Service (CFS)*
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-undang Gred L29 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Membantu tugas-tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal antarabangsa di Pihak Berkuasa Peranti Perubatan mengenai perkara-perkara berkaitan Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) serta mana-mana Akta lain yang berkaitan.

**7. Cara Memohon :** Pemohon hendaklah menghantar salinan dokumen – dokumen berikut yang telah siap dikokot/*distapler*) mengikut turutan.

- a) Resume Calon (beserta gambar berukuran passport);
- b) Kad Pengenalan;
- c) Sijil Kelahiran;
- d) Sijil Tamat Persekolahan;
- e) Sijil STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- f) Sijil Diploma / Ijazah dalam bidang berkaitan berserta transkrip;
- g) Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS) dan
- h) Lain-lain dokumen sokongan.

Ke alamat:

UNIT KHIDMAT PENGURUSAN  
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,  
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,  
63000 CYBERJAYA, SELANGOR

(sila tulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat)

- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

**8. Tarikh Tutup Permohonan : 8 September 2023 (Jumaat) jam 3.00 petang**

**NURUL AINI BINTI SURIP**  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tarikh: 25 Ogos 2023

